

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN NO. 73**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjalankan kajian fisibiliti pembinaan rangkaian kereta api menghubungkan Sarawak, Brunei, Sabah dan Nusantara, ibu kota baru Indonesia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pengangkutan mengikuti rapat perkembangan ibu kota baharu Indonesia iaitu Nusantara di Kalimantan Timur dan impaknya terhadap sektor pengangkutan di Sabah dan Sarawak. Pada ketika ini, pihak Kementerian belum mempunyai cadangan untuk melaksanakan *feasibility study* bagi pembinaan rangkaian kereta api menghubungkan Sarawak, Brunei, Sabah dan Nusantara, ibu kota baharu Indonesia. Di Sarawak, tumpuan sedang diberikan kepada penyediaan rangkaian rel bandar di bawah Projek Kuching Urban Transport System (KUTS) yang diterajui oleh Sarawak Metro manakala di Sabah, tumpuan diberikan kepada penambahbaikan infrastruktur kereta api serta mutu perkhidmatan kereta api Sabah yang diterajui oleh Jabatan Kereta Api Negeri Sabah (JKNS).

Sekian, terima kasih.